

## PERANAN WANITA DALAM DAKWAH BIL HAL

Azizul Azra Bin Abdul Razak<sup>1</sup>, Mohd. Hisyam Abdul Rahim<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 84200, Batu Pahat, Johor, Tel. +601156591279

azizulazra@gmail.com

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 84200, Batu Pahat, Johor, Tel: +6019-7408695  
mohdhisyam@uthm.edu.my

### ABSTRAK

Istilah dakwah bil hal merupakan salah satu cabang daripada metode dakwah dalam ilmu dakwah yang pelbagai. Peranannya dipikul dibahu setiap individu tanpa mengira jantina. Peranan wanita dalam dakwah bil hal kian kurang diberi perhatian yang sewajarnya. Justeru itu, kajian ini berusaha mengetengahkan perbahasan berkaitan peranan wanita dalam dakwah bil hal. Fokus perbincangan menjurus kepada peranan wanita dalam dakwah bil hal menerusi akhlak, khidmat dan prasarana. Penyelidikan ini adalah bersifat kualitatif yang memanfaatkan proses pengumpulan data dan seterusnya dianalisis. Berdasarkan asas-asas kukuh berkenaan dengan metode dakwah bil hal ini, ia berpotensi untuk berkembang pada masa hadapan khususnya kepada golongan wanita sekiranya kajian yang dijalankan berbentuk multidisiplin dan tidak terhad dalam sesuatu bidang tertentu sahaja.

**Kata kunci:** Wanita, Dakwah Bil Hal, Al-Quran, Akhlak, Khidmat, Prasarana

### 1 PENDAHULUAN

Pepatah arab menyatakan “*Lisan al-Hal Afsan Min Lisan al-Maqal*”. iaitu kata-kata yang realiti adalah lebih baik dari kata-kata yang diucapkan. Dalam hal ini, dakwah *bil hal* merupakan amalan yang memfokuskan usaha atau karya nyata yang boleh meningkatkan kedudukan dan kesejahteraan individu atau masyarakat (Faisal Ismail:2013).

Al-Quran telah menjelaskan tentang wanita. Peranan mereka dalam masyarakat dan agama amat besar sehingga ada kalangan *sahabiah* yang menjadi guru kepada para *tabi'in*. Bermula dengan institusi keluarga, sehingga kepada masyarakat amnya, wanita telah menunjukkan bahawa kehadiran mereka amat diperlukan dan peranan mereka tidak dapat dinafikan lagi untuk kebaikan umat Islam keseluruhannya. Wanita solehah yang disebut dalam al-Quran selalu dirangkaikan dengan amal, manakal amal itu pula pasti disebut selepas kata iman. Amal salih adalah suatu perbuatan yang didasari atas iman dan ilmu yang datang dari Allah s.w.t sebaliknya amal yang salah pula ialah perbuatan yang tidak bersumber dari iman dan ilmu yang benar Nor Dengan melihat kepentingan yang wujud dalam huraian ini membuatkan penulis ingin mengkaji metode dakwah *bil hal* yang merupakan kekuatan bagi proses dakwah semasa dengan berpandukan nas-nas yang terdapat di dalam al-Quran (Nor Hanani bt. Mohd Noor (2010)

Model dakwah yang sesuai yang ingin dikembangkan khususnya dikalangan wanita dalam pembangunan dakwah *bil hal* ini adalah merujuk kepada tiga aspek utama iaitu akhlak, khidmat dan prasarana. Ketiga-tiganya mempunyai pengaruh yang besar dalam

dakwah terdahulu sebagai contoh ketika Rasulullah s.a.w telah tiba di Madinah, pertamanya baginda telah mendirikan Masjid *Quba'* (prasarana) dan memberikan khidmat dengan mempersaudarkan kaum *Ansar* dan *Muhajirin*. Dari situlah bermulanya baginda telah menunjukkan akhlak dan memberikan khidmat bakti melalui Piagam Madinah bagi menjaga serta memenuhi keperluan masyarakat di Madinah. Suri tauladan serta sifat ambil berat yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w menjadi tunjang utama kejayaan dakwah Rasulullah s.a.w dan ini menjadi contoh kepada pendakwah masakini agar dakwah *bil hal* menjadi medium utama dalam berdakwah.

### Sorotan literatur

Sorotan ringkas yang ingin dibawa oleh penulis terhadap buku dan jurnal atau laporan kajian khususnya dalam bidang dakwah bertujuan bagi mendapatkan idea, metodologi yang sesuai, atau mengenalpasti kekuatan dan kelemahan penyelidikan sebelum ini.

Buku bertajuk *al-Nisa al-Da'iyyat* karanga Tawfiq Yusof al-Wa'I (1990). Buku ini memberi penekanan kepada kepentingan pendakwah wanita dalam berdakwah dengan sokongan dalil-dalil ayat al-Quran. Disamping itu, antara penemuan tepenting ialah media penyampaian dakwah khusus bagi pendakwah wanita. Antara penyampaian dakwah dengan perkataan, radio dan ceramah. Cirri penting buku ini juga, dalam setiap sudut dan aspek yang dibincangkan, penyelidik akan memberikan contoh-contoh para pendakwah wanita yang terkemuka sejak dari kurun pertama hijrah seperti Aisyah r.a, Fatimah r.a dan lain-lain lagi.

Berbanding dengan kajian yang dijalankan, buku ini lebih memfokuskan kepada persoalan dakwah wanita dan media yang digunakan. Sementara kajian ini akan mengupas peranan dakwah *bil hal* yang perlu dimainkan oleh wanita.

### Metodologi Kajian

Bagi melaksana dan merealisasikan objektif kajian agar ianya lebih realistik, maka penyelidikan ini dijalankan secara kualitatif yang memanfaatkan proses pengumpulan data untuk dianalisis. Seterusnya proses penulisan data yang diperoleh bagi menyempurnakan kajian secara saintifik dapat dijalankan dengan sempurna

## 2 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

### *Fungsi wanita dalam dakwah bil hal*

a. Sebagai pembantu kaum lelaki.

Tugas dan peranan utama wanita dalam dakwah Islam ialah menjadi pembantu atau penolong kaum lelaki dalam semua aspek. Peranan wanita adalah amat penting kerana mereka adalah sebahagian daripada umat dan suara mereka diperlukan dalam memastikan misi dakwah tercapai. Seorang wanita tugasnya adalah sama pentingnya dengan kaum lelaki, diibaratkan sebagai satu unsur yang penting dalam satu-satu

jemaah atau gerakan. Setiap yang dilakukan oleh kaum lelaki, wanita ada tempat dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Ini jelas sebagaimana firman Allah s.w.t: surah al-Taubah 71. Muhammad Izzah Darwazah (1961) berpendapat orang-orang mukmin baik lelaki dan wanita yang benar-benar ikhlas adalah menjadi penjamin yang saling bertolongan dalam setiap kebaikan dan kebenaran serta menyuruh kepada perkara makruf dan mencegah perkara-perkara mungkar. Kaum wanita mukmin diletakkan pada kedudukan ini adalah sebagai menguatkan lagi bukti tentang sumbangan para wanita mukmin di zaman Nabi s.a.w dan penglibatan mereka dalam pelbagai situasi dalam bidang dakwah. Disamping itu, terdapat makna lain dalam menyebut wanita digandingkan dengan kaum lelaki mukmin disamping lelaki dalam masyarakat Islam serta persamaan mereka dengan lelaki di sisi masyarakat, politik dan hak dalam pelbagai taklif syarak terutama dalam hal menyeru kepada perkara makruf dan mencegah perkara yang mungkar.

b. Sebagai pentadbir rumah tangga suaminya

Dalam surah al-Ahzab ayat 34 menegaskan peri pentingnya wanita menjalankan tugas utamanya di dalam rumah tangga. Dalam konteks ini, seorang muslimah hendaklah menjalankan peranannya dengan berkesan dalam menyeru ke arah kebaikan yang berupa semua perkara yang membawa kebaikan dan manfaat kepada ahli rumahnya dalam perkara agama dan keduniaan. Wanita harus memainkan peranannya yang aktif di rumahnya kerana wanitalah yang harus mengatur urusan rumah tangga dan menjaga apa pun yang ada di dalamnya. Wanita adalah menjaga bagi rumah tangga suaminya. Oleh itu hendaklah seseorang itu berusaha untuk menjaga hal ehwal rumah tangga dengan sebaiknya dari segi kebersihan, kekemasan, hal ehwal ekonomi dan seumpamanya. Tanggungjawab yang diamanahkan di atas pundaknya itu akan dipersoalkan di akhirat kelak. Sebagai pentadbir rumah tangga, seorang wanita harus memperhatikan ekonomi keluarga dengan tidak berbelanja secara boros. Saling ingat mengingati, tegur menegur antara satu sama lain agar tidak boros dalam menggunakan sesuatu barang adalah satu langkah yang bijak. Teguran bagaimanapun hendaklah dilakukan dengan cara beradab, sopan dan lembut dan elakkan daripada kurang beradab dan kasar. (Said Mohd Addib:1996:48)

c. Sebagai seorang isteri.

Seorang wanita berperangan dengan mengambil pendekatan dakwah *bil hal* dalam setiap tindak tanduk, perkataan dan sikap mereka. Tanggungjawab seorang isteri terhadap suami adalah merupakan hak suami ke atas mereka. Antaranya; memberi pertolongan keperluan zahir, memberi pertolongan keperluan batin, dari segi buah fikiran dan kerohanian, dan pemberi semangat dan dorongan.

d. Sebagai seorang ibu.

Seorang ibu memikul tanggungjawab besar dalam mendidik anak-anak yang merupakan amanah Allah s.w.t kepada pasangan suami isteri. Para ibu memainkan peranan yang signifikan dalam tumbesaran anak-anak. Antaranya; mengajar tauhid dan taqwa, mebimbing dan mencorakkan anak ke arah kebaikan, mendidik mental dan emosi, menjaga makanan anak dan menyempurnakan susuan anak.

e. Sebagai seorang anak.

Menerusi firman Allah s.w.t dalam surah luqman ayat 15. Sebagai seorang anak, hak ibubapa keatas mereka adalah amat besar. Namun, sekiranya seorang anak itu melihat ibubapa mereka melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan agama, tanggungjawab untuk berdakwah tetap tidak gugur. Walaupun demikian dakwah bil perlu dilaksanakan dengan penuh kesabaran dan redha atas segala ujian serta merendahkan diri di hadapan ibubapa yang telah membawa mereka ke dunia.

f. Peranan dalam hubungan adik beradik.

Merusi firman Allah s.w.t dalam surah yusuf: 8. Berlandaskan ayat ini, dapat disimpulkan bahawa hubungan antara saudara adalah sangat kritikal dan rumit. Seorang wanita seharusnya juga memberi perhatian yang khusus dalam bermuamalah dengan saudara-saudara mereka. Sebagai saudara kandung mereka harus memelihara rasa cinta dan kasih sayang antara mereka dan mengelakkan suasana saling bersengketa. Budaya saling memberi dan saling bertolak ansur serta faham-memahami harus diamalkan dalam keluarga. Suasana yang harmoni akan wujud apabila yang besar mengasihi yang kecil dan yang kecil menghormati yang besar.

g. Sebagai seorang guru.

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Nahl: 125. Ayat ini jelas menunjukkan peranan seorang guru (yang kebanyakannya merupakan wanita) ialah menunjuk ajar dengan baik. Wanita dianugerahkan Allah s.w.t dengan sifat semulajadi yang lembut, sabar dan pengasih serta penyayang yang memungkinkan mereka mendidik kanak-kanak dengan sabar dan baik. Seorang guru muslimah hendaklah mendepani pelajarnya dengan cara yang lembut, kerana pendekatan inilah dianjurkan Islam. Tambahan pula, sifat-sifat ini adalah sifat semulajadi yang dikurniakan Allah s.w.t kepada seorang wanita. Maka sewajarnya kelebihan ini digunakan sebaiknya. Tanggungjawab dan tugas seorang guru adalah amat berat kerana mereka merupakan role model dalam masyarakat.

h. Peranan dalam amar makruf nahi mungkar.

Menurut surah al-Imran:104 peranan pertama wanita yang dapat difahami daripada ayat ini ialah menyeru kebaikan, mengajak kepada perkara makruf dan mencegah perkara mungkar. Tugas dan peranan wanita muslimah yang paling utama ialah berpusat dirumah. Sekiranya belim berkahwin maka rumah ibubapanya dan sekiranya sudah berkahwin maka rumah suaminya. Justeru peranan wanita berdakwah menyeru kepada kebaikan mengajak kepada perkara makruf dan mencegah kemungkaran tertumpu di rumah. Demi melaksanakan tuntutan Allah s.w.t agar wanita tetap tinggal di rumah. Islam membebaskan semua kewajipan yang berkaitan dengan urusan di luar rumah dari para wanita seperti solat jumaat, berjihad, solat berjemaah di masjid dan sebagainya. Namun Islam telah memberi kelonggaran agar wanita boleh menjalankan kerja di luar tetapi membuat batasan dan syarat-syarat tertentu.

i. Peranan dalam organisasi.

Peranan kedua wanita yang boleh difahami daripada ayat ini ialah memberi sumbangan tenaga dalam organisasi dakwah. Sebagai contoh wanita terlibat dalam kerja-kerja kebajikan seperti pengurusan jenazah, pendakwah wanita menunjuk ahar saudara baru wanita terutama dalam ilmu feqah. Peranan lain dalam organisasi adalah wanita perlu bekerjasama sesama wanita untuk menyedarkan kaum wanita dan mempersiapkan diri dan memberi sumbangan dalam pergerakan atau organisasi agama dan dakwah.

### 3 PENUTUP

Dakwah *bil hal* merupakan antara pendekatan dakwah terbaik yang menekankan aspek keteladanan yang ditonjolkan oleh para pendakwah agar mudah diterima oleh sasaran dakwah. Perincian penelitian perlaksanaan dakwah *bil hal* ini terfokuskan golongan wanita. kegiatan dakwah *bil hal* dan ciri-ciri dakwah *bil hal* yang berfokus kepada aspek akhlak, khidmat dan prasarana sebagai aset perlaksanaan mengikut kesesuaian sasaran dakwah agar mudah menerima dakwah para wanita khususnya pendekatan dakwah *bil hal* itu sendiri.

### RUJUKAN

Abu Muhammad Rasyid Ridha(1995) *Ciri dan Fungsi Wanita Shalihah*. Solo: Pustaka Al-Alaq, hal. 25

Hanani bt. Mohd Noor (2010) *Peranan Wanita Dalam Dakwah Mengikut Perspektif al-Quran: Kajian Surah ali-Imran*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Said Mohd addib (1996) *Peranan Rumahtangga Muslim*. Mahyuddin Hamat (terj.) Ampang. Akademi al-Hikmah hal. 48

Muhammad Izzah Darwazah (1961) *Akl-Tafsir al-hadith Tartib al-Sunar Hasbu al-Nuzul*, j. 9 Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, hal 495

Tawfiq Yusof al-Waw'i (1990) *al-Nisa' al-Da'iyyat*. Mansurah: Dar al-Wafa' li al-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'